

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

PERSONAL FINANCING-i FACILITY – MURABAHAH COMMODITY

LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK (LPP)

<p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Peribadi-i Lestari. Terma dan syarat pembiayaan dinyatakan secara terperinci di Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian.</p>	<p>i-LESTARI (KRJ & BDN BKANUN-T) TARIKH: _____</p>
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini? Produk ini menawarkan kemudahan tunai bagi membantu pelanggan dalam menangani keperluan kewangan.</p>	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <ul style="list-style-type: none">• Kontrak Syariah yang terpakai ialah Murabahah di bawah pengaturan konsep Tawarruq.• Berlandaskan prinsip Syariah Murabahah (di bawah pengaturan konsep Tawarruq atau dikenali sebagai komoditi Murabahah) yang mana berdasarkan wa'd daripada pihak pelanggan, Co-opbank Pertama (CBP) akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai agen pelanggan, CBP menjual komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga pada harga yang bersamaan margin pembiayaan secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pengeluaran pembiayaan pelanggan.• Jenis komoditi yang digunapakai adalah komoditi (bukan ribawi) yang ditawarkan oleh komoditi platform yang disahkan patuh Syariah oleh Penasihat Syariah platform dan CBP.	
<p>3. Apakah tanggungjawab kewangan saya dengan melanggan produk ini?</p> <p>Contoh Pengiraan</p> <ul style="list-style-type: none">• Jumlah Pembiayaan : RM 100,000.00• Kadar Keuntungan : 4.05 %• Tempoh Pembiayaan : 10 tahun (120 bulan) - <i>Tempoh Maksima : 10 tahun</i>• Jumlah Harga Jualan : RM 140,500.00• Ansuran bulanan : RM 1,171.00 <p>(*Nota: Sebelum pengiraan rebat atas keuntungan belum terakru bagi penjelasan awal)</p>	
<p>4. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?</p> <ul style="list-style-type: none">• Duti Setem : 0.5% dari jumlah pembiayaan seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) ke atas dokumen Perjanjian Jualan serta caj sebanyak RM10.00 bagi setiap Surat Tawaran dan Perjanjian Jaminan (sekiranya berkaitan). Pengecualian Duti Setem pada baki pinjaman sedia ada bagi pembiayaan semula pakej konvensional ke islamik.• Bayaran Pendahuluan (sekiranya perlu) adalah sehingga dua (2) bulan ansuran bulanan dan jumlah tersebut akan ditolak daripada jumlah pembiayaan semasa pengeluaran dibuat dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Pembiayaan Peribadi.• Yuran Wakalah/ Agensi sebanyak RM50 setiap pengeluaran pembiayaan (tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan).	

5. Bagaimana sekiranya saya gagal membuat bayaran pada masa yang ditetapkan?

- Caj Ganti Rugi (*Ta'widh*) dan caj lewat bayar (*Gharamah*) kerana tunggakan atau Bayaran Lewat

<i>Ta'widh</i> Ketika tempoh pembiayaan	: 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.
<i>Ta'widh</i> Ketika tamat tempoh pembiayaan	: Pada kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas jumlah yang tertunggak bermula dari tarikh tamat pembiayaan sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya diterima oleh CBP.
<i>Gharamah</i>	: Pada kadar yang tidak melebihi purata kadar pembiayaan ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia / Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan prinsip Syariah.

- Kadar yang dikenakan oleh CBP tidak mempunyai unsur kompaun ke atas baki Harga Jualan tertunggak.
- CBP berhak menolak / mempelaras baki simpanan (Akaun Simpanan / Akaun Pelaburan / Akaun Deposit Berjangka/ Akaun Saham Keanggotaan) Pelanggan di CBP sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak berlandaskan prinsip Syariah Muqassah.
- CBP berhak mengambil tindakan undang-undang dan menuntut segala kos ditanggung oleh pelanggan.

6. Adakah saya boleh membuat penyelesaian awal pembiayaan atau sebahagian daripada pembiayaan?

- Ya. Pelanggan boleh membuat penyelesaian awal pembiayaan.
- CBP berhak untuk menuntut kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penyelesaian awal tersebut tertakluk kepada polisi dan prosedur semasa CBP dan selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia / Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan prinsip Syariah. Formula kos sebenar ialah (kadar efektif normal – kadar efektif promosi) + (kos belum dipulihkan) + (kos insidental).

7. Bagaimanakah sekiranya kemudahan pembiayaan ditamatkan sebelum tempoh matang atau pelanggan melakukan penyelesaian awal?

- Pihak CBP akan memberikan rebat wajib kepada Pelanggan berdasarkan prinsip Syariah *Ibra'* bagi:
 - i) sebarang penebusan awal / penyelesaian awal;
 - ii) perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang.
- Formula pengiraan *ibra' wajib* secara am adalah seperti berikut:
Ibra' = Harga Jualan *Murabahah* – Jumlah Penebusan.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Pelanggan dikehendaki mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP atau Pengendali Takaful pilihan sendiri bagi menjamin jumlah keterhutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas Pelanggan kecuali jika diputuskan sebaliknya atas budibicara CBP.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- Pelanggan masih bertanggungjawab memastikan bayaran ansuran bulanan dibuat seperti yang dinyatakan dalam dokumen perjanjian walaupun Pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit.
- Jika Pelanggan mempunyai masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan, sila hubungi pihak CBP dengan kadar segera untuk membincangkan tentang penjadualan semula atau penstrukturan pembiayaan atau kaedah pembayaran alternatif.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Sekiranya diperlukan, Pelanggan perlu mengemukakan penjamin. Manakala cagaran tidak diperlukan untuk pembiayaan ini.

11. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi?

- Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada CBP mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan Pelanggan disampaikan dengan lebih berkesan.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-88-7650 ATAU kunjungi mana-mana cawangan CBP yang berdekatan untuk mengemaskini sebarang perubahan maklumat pelanggan.

12. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.cbp.com.my

13. Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:

- Pusat Panggilan di talian 1-300-88-7650 pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8:30 pagi hingga 5.30 petang.
- e-mail kepada: biaya@cbp.com.my

14. Anda boleh membuat aduan dengan menelefon:

- Hotline Aduan: 1-300-88-7650
- Alamat Aduan: Jabatan Transformasi, Co-opBank Pertama, Tingkat 6, Wisma JCBNEXT, 27 Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur
- E-mel kepada info@cbp.com.my

Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada:
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan ,
Tingkat 10 ,Sunway Putra Tower,
100 Jalan Putra,50350 Kuala Lumpur
Laman web: www.skm.gov.my
Tel: 03-40474000
Faks:03-40474116
Atau Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi:
<http://apponline.skm.gov.my>

15. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan apabila menghadapi masalah membuat bayaran ansuran pembiayaan?

- Pelanggan boleh menghubungi cawangan CBP di mana pembiayaan dibuat atau mana-mana cawangan CBP berhampiran dengan segera; atau Pelanggan boleh dapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Agensi ini ditubuhkan oleh BNM untuk memberi perkhidmatan secara percuma iaitu pendidikan kewangan, kaunseling kewangan dan pengurusan kredit.

- Hubungi AKPK di alamat berikut:
Menara Bumiputra-commerce
Tingkat 5 dan 6
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766

E-mail: enquiry@akpk.org.my

16. Pakej pembiayaan peribadi lain yang tersedia ialah: Pembiayaan Persendirian-i Al-Yaseer (kadar terapung)	
PENTING! <ul style="list-style-type: none"> • TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIKENAKAN JIKA PELANGGAN TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN • LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN 	
PENGESAHAN PELANGGAN	UNTUK KEGUNAAN CBP
Saya dengan ini memperakukan telah menerima, membaca dan memahami penjelasan yang diberikan melalui Lembaran Pendedahan Produk ini. Nama Pelanggan: No. Dokumen Pengenalan: Tarikh:	Dilaksanakan/ Disaksikan oleh: Nama Staf: Tarikh: